

# Beri satu legasi kepemimpinan baru

**PEMBANGUNAN** di Johor tidak hanya berkisar kepada projek zahiriah malah spiritual yang menjadi asas kejayaan Johor iaitu dengan kewujudan Program Membudayakan al-Quran dan sunnah yang mengambil bab agama sebagai sumber kekuatan.

Menurut penganalisis yang juga pensyarah Fakulti Sains, Teknologi dan Pembangunan Insan UTHM, Dr Md Akbal Abdullah, Abdul Ghani layak diangkat selaku 'bapa pembangunan lestari negeri Johor' atas jasanya selama 18 tahun menerajui negeri ini.

Menyifatkan bekas menteri besar itu seorang yang sensitif iaitu peka akan kehendak dan keperluan rakyat di negeri ini yang mengekalkan gelombang kerohanian dalam kemajuan yang natural.

"Saya anggap 18 tahun



satu tempoh yang memadai buatnya malah dianggap antara pemimpin terbaik yang berjaya mengekalkan pembangunan spiritual dan kerohanian tanpa ketinggalan dalam aspek pembangunan zahiriah.

"Pembudayaan al-Quran dan sunnah, mengangkat

Pembudayaan al-Quran dan sunnah, mengangkat martabat zaphin ke mata dunia, pembangunan Iskandar Malaysia dan mewujudkan kolej komuniti sesuatu yang kreatif yang menjadi ikutan negeri lain."

-Akbal

martabat zaphin ke mata dunia, pembangunan Iskandar Malaysia dan mewujudkan kolej komuniti sesuatu yang kreatif yang menjadi ikutan negeri lain.

"Insan bernama Abdul Ghani ini memberi satu legasi kepemimpinan baru yang perlu diteruskan pemimpin seterusnya," katanya kepada *Sinar*

*Harian*, di sini.

Md Akbal berharap, pemimpin seterusnya yang diamanahkan dan mengekalkan kecemerlangan kepemimpinan yang dipraktikkan Abdul Ghani dan menganggap ia satu tanggungjawab yang besar kerana pemimpin itu telah meletakkan satu penanda aras yang tinggi untuk ditandingi.